

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 SEPTEMBER 2016

Najib ketuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak ASEAN Ke-28 dan Ke-29

um-6/9/2016

VIENTIANE 5 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-28 dan ke-29 dari 6-8 September di sini.

Ini merupakan Sidang Kemuncak ASEAN pertama yang diadakan selepas penubuhan Komuniti ASEAN pada 31 Disember 2015 dan selepas menerima pakai visi ASEAN iaitu ASEAN 2025: Maju Bersama yang dicapai semasa Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN.

Ketua Pengarah Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Jojie Samuel berkata, memandangkan ini merupakan tahun pertama bagi Komuniti ASEAN, tema sempena Laos sebagai pengerusi ialah *Turning Vision Into Reality for a Dynamic ASEAN Community* (Menukarkan Visi Menjadi Realiti bagi Komuniti ASEAN Dinamik) adalah tepat pada masa-

nya dan sesuai memandangkan ASEAN sedang berusaha untuk menjadikan aspirasi dan visinya menjadi realiti.

“Selain Sidang Kemuncak ASEAN, Perdana Menteri bersama-sama pemimpin ASEAN yang lain akan turut menghadiri mesyuarat ASEAN Campur Tiga, Sidang Kemuncak Asia Timur dan mesyuarat ASEAN Campur satu dengan rakan dialog, termasuk Amerika Syarikat, China, Jepun, India, Australia, Korea Selatan dan Pertubuhan Bangsa Bersatu,” katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Samuel berkata, program Najib akan bermula esok dengan majlis perasmian Sidang Kemuncak ASEAN ke-28 dan ke-29.

“Semasa majlis pembukaan itu, pemimpin ASEAN juga akan menyaksikan pelancaran logo kempen Visit ASEAN@50. Logo ini akan digunakan pada 2017 se-

bagai sebahagian daripada Kempen Meraikan ulang tahun ke-50 bagi Visit ASEAN@50,” katanya.

Kempen sambutan berkenaan akan diadakan dengan matlamat serampang dua mata iaitu untuk mempromosikan ulang tahun ke-50 ASEAN dan menjadikan rantau ASEAN sebagai destinasi pelancongan tunggal dan bersatu padu.

“Acara itu akan disusuli dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-28 atau sesi pleno. Dengan mengambil kira bahawa ini akan menjadi Sidang Kemuncak ASEAN pertama selepas Sidang Kemuncak di Kuala Lumpur dan memandangkan kepentingan merealisasikan Visi 2025, agenda sesi pleno khususnya akan membincangkan kemajuan pelaksanaan Visi ASEAN 2025: Maju Bersama yang juga sebuah pelan tindakan ke arah usaha pembangunan masyarakat yang berterusan di rantau ini,” katanya. - BERNAMA